KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR



TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN (TPATA) ASET PEMBETUNGAN

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

TATACARA PENGURUSAN

ASET TAK ALIH KERAJAAN (TPATA) ASET PEMBETUNGAN

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2024

TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

JABATAN PERDANA MENTERI

8 **APRIL 2024**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000
Fax : 03-8888 3904
Web : http://www.jpm.gov.my
Emel : jpm@jpm.gov.my

Rujukan Kami : JKR.CPAB.800.010/4.06

Tarikh : 8 April 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2024

TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Am ini bertujuan untuk menjelaskan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan yang merupakan kesinambungan daripada Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) dan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2021: Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Versi 2.0.

1.2 Pekeliling Am ini lebih memfokuskan kepada pemerkasaan tadbir urus dengan penambahan keanggotaan ahli Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) dan juga penambahbaikan kepada proses kerja termasuk pemurnian penggunaan borang yang digunakan dalam tatacara ini.

1.3 Pekeliling Am ini juga bertujuan menjelaskan dokumen TPATA terkini mempunyai dua (2) bahagian iaitu:

(i) Dokumen TPATA Induk; dan
(ii) Dokumen TPATA mengikut kategori aset tak alih seperti berikut:

(a) Kategori Aset Bangunan;
(b) Kategori Aset Jalan;
(c) Kategori Aset Air;
(d) Kategori Aset Pembetungan; dan
(e) Kategori Aset Infrastruktur Lain.

2. TAFSIRAN

2.1 Tafsiran bagi maksud Pekeliling Am ini adalah seperti berikut:

(i) **Aset Tak Alih Kerajaan**

Bermaksud aset yang kekal dan tidak boleh dialih dari tempatnya iaitu tanah, infrastruktur dan bangunan. Secara terperinci, aset tak alih kerajaan adalah aset yang

secara kekal/ tetap atau bersifat kekal/ tetap berada pada tempatnya, tidak boleh dialih atau sukar dialihkan atau usaha untuk buka semula/ penanggalan melibatkan keperluan kepakaran teknikal atau perundangan yang berkaitan termasuk aset tak alih warisan.

(ii) **Aset Bangunan**

Bermaksud sesuatu binaan bangunan dan semua komponen serta fasiliti yang terdapat dalam sesuatu premis. Contoh aset bangunan ialah pejabat, perumahan pegawai, sekolah, hospital, rumah ibadat, dewan dan sebagainya.

(iii) **Aset Infrastruktur**

Bermaksud sesuatu kemudahan asas yang membentuk sistem rangkaian bagi memberi perkhidmatan kepada komuniti. Contoh aset infrastruktur ialah jalan raya, jambatan, terowong, lapangan terbang, empangan, pembetungan dan sebagainya.

(iv) **Aset Tak Alih Warisan**

Bermaksud mana-mana tapak atau tapak warisan sepertimana yang ditafsirkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*] dan tatacara

pengurusannya adalah tertakluk kepada peruntukan Akta yang sama.

2.2 Tatacara pelaksanaan pengurusan aset tak alih ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) pada 27 Jun 2023 telah bersetuju dengan pindaan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021 melibatkan penambahbaikan elemen Perakaunan Akruan Aset bagi tujuan arahan pemakaian kepada Agensi Kerajaan.

3.2 Pengurusan aset tak alih wajar diberi keutamaan oleh Agensi Kerajaan kerana ia merupakan aspek penting bagi menyediakan ruang/ tempat kerja yang sesuai dan mencukupi supaya Agensi Kerajaan dapat memberi penyampaian perkhidmatan yang berkesan mengikut fungsi masing-masing.

3.3 Skop penggunaan dokumen TPATA adalah meliputi keseluruhan aset tak alih Kerajaan.

3.4 Objektif utama tatacara dalam pekeliling ini adalah:

(i) Menyediakan maklumat aset yang lengkap bagi tujuan perancangan pembangunan dan kawalan penggunaan

aset tak alih (ruang, tenaga, sumber, kos dan sebagainya) serta memastikan pelaksanaan kaedah pelupusan yang menguntungkan Kerajaan;

(ii) Memastikan pengurusan operasi dan penyenggaraan yang berkesan untuk meningkatkan jangka hayat aset serta pulangan pelaburan yang tinggi kepada Kerajaan;

(iii) Menyediakan bajet pengurusan aset tak alih yang lebih tepat dan strategik; dan

(iv) Memastikan pengukuran prestasi dan penarafan secara sistematik bagi mengoptimumkan nilai aset dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan.

4. TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

4.1 Pada dasarnya, TPATA menjelaskan kaedah mengurus aset tak alih di keseluruhan fasa kitaran hayat aset bermula dari perancangan sehingga pelupusan aset. Walau bagaimanapun, tatacara ini hanya tertumpu kepada fasa penggunaan dan pelupusan aset sahaja.

4.2 TPATA yang terkandung dalam pekeliling ini terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu:

(i) TPATA Induk yang merangkumi:

(a) Pendahuluan; dan

(b) Perancangan Strategi Pengurusan Aset.

(ii) TPATA mengikut kategori aset sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 1.3 (b) merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

(a) Penerimaan dan Pendaftaran Aset;
(b) Operasi dan Penyenggaraan Aset;
(c) Penilaian Aset;
(d) Pemulihan/ Pemuliharaan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset;
(e) Pelupusan Aset; dan
(f) Kehilangan dan Hapus Kira Aset.

5. STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN ASET KERAJAAN

5.1 Struktur tadbir urus pelaksanaan **Pengurusan Aset Kerajaan** adalah berdasarkan dokumen Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) Versi 2.0 melalui Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2021 iaitu terdiri daripada:

(i) Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
(ii) Urus Setia JPAK

5.2 Manakala, struktur tadbir urus pelaksanaan **Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan terdiri** daripada:

(i) Pegawai Pengawal;
(ii) Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) (Fasiliti); dan

(iii) Unit Pengurusan Fasiliti (UPF).

5.3 Setiap peringkat mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri sebagaimana penjelasan seterusnya.

6. JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JPAK)

6.1 JPAK merupakan jawatankuasa di peringkat tertinggi yang akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik berkaitan pengurusan semua kategori aset iaitu aset alih, aset tak alih, aset biologi dan aset tak ketara.

6.2 **Keanggotaan JPAK** adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Ketua Setiausaha Negara
Setiausaha	:	Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, Jabatan Kerja Raya (JKR)
Ahli	:	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
		Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
		Ketua Audit Negara
		Akauntan Negara
		Ketua Setiausaha Kementerian Digital
		Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi

Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarah Jabatan Penilaian Harta

Ketua Pengarah Kerja Raya

Komposisi keahlian akan disemak dari semasa ke semasa atas persetujuan Pengerusi.

6.3 **Fungsi JPAK** adalah seperti berikut:

(i) Menentukan hala tuju dalam pelaksanaan pengurusan semua kategori aset Kerajaan;

(ii) Menggubal dasar, strategi, pelan tindakan dan garis panduan bagi melaksanakan dasar pengurusan aset Kerajaan khususnya mengenai standard, keselamatan, perolehan dan pembangunan sumber manusia;

(iii) Menyelaras pelaksanaan dasar pengurusan aset Kerajaan di antara Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan; dan

(iv) Menyediakan laporan berkala kemajuan pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan pengurusan aset Kerajaan.

6.4 JKR melalui cawangan yang mengawal selia aset adalah selaku Urus Setia JPAK.

6.5 **Peranan dan tanggungjawab Urus setia JPAK** adalah seperti berikut:

(i) Menyelaras agenda, menyediakan minit dan semua tugas-tugas pentadbiran yang berkaitan dengan JPAK;

(ii) Bertindak sebagai badan tadbir urus dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan TPATA; dan

(iii) Melaporkan hasil pemantauan pengurusan aset tak alih kepada Pejabat Pengerusi JPAK (Ketua Setiausaha Negara).

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

7.1 Bagi tujuan pekeliling ini, Pegawai Pengawal bermaksud Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Pengarah Jabatan atau Ketua Agensi yang telah dilantik menurut peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].

7.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pengurusan aset dan perakaunan aset tak alih kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan di Agensi Kerajaan masing-masing dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

(i) Mewujudkan Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) di peringkat Agensi Kerajaan dan organisasi di bawahnya;

(ii) Menetapkan tugas serta tanggungjawab Unit Kewangan dan UPF dalam melaksanakan peranan perakaunan aset selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) –Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan;

(iii) **melantik: -**

(a) Pegawai Teknikal Fasiliti (PTF) dan pegawai – pegawai yang berkaitan di peringkat Agensi Kerajaan bagi menguruskan aset tak alih mengikut syarat dan kelayakan yang bersesuaian;

(b) Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) (Fasiliti) di peringkat Agensi Kerajaan bagi menyelaras semua aktiviti mengikut kitaran hayat aset tak alih;

(c) Lembaga Pelupusan Aset Tak Alih yang terdiri daripada wakil Agensi Teknikal, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (jika perlu), Jabatan Warisan Negara (jika perlu), lain – lain agensi dan individu yang mempunyai kepakaran berkaitan untuk tempoh dua (2) tahun;

(d) Jawatankuasa Penyiasat (Kehilangan dan Hapus Kira) yang terdiri daripada pegawai – pegawai yang mempunyai kepakaran berkaitan; dan

(e) Ketua Audit Dalaman mengikut keperluan dalam TPATA.

(iv) **melulus: -**

(a) Polisi dan kaedah pelaksanaan pengurusan aset tak alih di bawah kawalan agensi masing-masing;

(b) Pelan pelaksanaan aktiviti setiap fasa penggunaan dalam kitaran hayat aset tak alih;

(c) Program dan bajet tahunan pengurusan aset tak alih;

(d) Keperluan sumber pejabat UPF (staf, latihan, ruang pejabat, peralatan kerja, dan lain-lain);

(e) Agihan peruntukan pelaksanaan aktiviti pengurusan aset tak alih; dan

(f) Tindakan bagi pemulihan atau pemuliharaan atau ubah suai atau naik taraf atau pelupusan aset tak alih.

(v) **memantau**:

(a) Pelan pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih;

(b) Output program setiap fasa aset mengikut prosedur yang ditetapkan;

(c) Kemajuan perbelanjaan pelaksanaan aktiviti pengurusan aset tak alih;

(d) Program latihan kompetensi dan audit dalaman pengurusan aset tak alih; dan

(e) Kemajuan aktiviti mengikut tatacara yang ditetapkan setiap sukuan tahun dan tahunan.

(vi) Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) (Fasiliti) untuk sukuan ke-4; dan

(vii) Memastikan semua aset tak alih diuruskan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

8. JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) (FASILITI) DI AGENSI KERAJAAN UNTUK SUKUAN I, II, III DAN IV

8.1 JKPAK (Fasiliti) merupakan jawatankuasa di peringkat Agensi Kerajaan yang ditubuhkan bagi mengurus aset tak alih mengikut keputusan/ arahan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) dan tugas-tugas khusus sebagaimana ditetapkan.

8.2 Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun di mana hasil Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) bagi sukuan I, II dan III dibentangkan dalam Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) sukuan ke-IV yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal.

8.3 Keanggotaan JKPAK (Fasiliti) di Agensi Kerajaan bagi Sukuan I, II dan III adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan (Peringkat Kementerian)
		Timbalan Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Agensi (Peringkat Ibu Pejabat)
		Pengarah (Jabatan Persekutuan/ Agensi di peringkat Negeri)

Pengerusi Ganti	:	Setiausaha Bahagian/Pengarah Cawangan/Bahagian yang diberi kuasa oleh Pengerusi
Setiausaha	:	PTF Kementerian/ Jabatan/ Agensi
Ahli	:	Semua Ketua Bahagian/ Unit
		Ketua Audit Dalam atau wakilnya
		Ketua Akauntan/ Akauntan/ Pegawai Perakaunan
		PTF (selain urus setia) kecuali PTF Peringkat Daerah.

8.4 Agenda Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) berkaitan pengurusan aset tak alih bagi sukuan I, II dan III adalah seperti berikut:

(i) Laporan Penerimaan dan Pendaftaran Aset;

(ii) Laporan Penyenggaraan dan Perbelanjaan Aset Tak Alih;

(iii) Laporan Pemeriksaan dan Penarafan Aset Tak Alih;

(iv) Laporan Pemulihan/ Pemuliharaan / Ubah Suai/ Naik Taraf Aset Tak Alih

(v) Laporan Pelupusan Aset Tak Alih;

(vi) Laporan Kehilangan dan Hapus Kira;

(vii) Laporan Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih; dan

(viii) Isu yang berkaitan dengan pengurusan Aset Tak Alih.

8.5 Agenda Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) berkaitan perakaunan aset tak alih bagi sukuan I, II dan III selaras dengan SPANM –Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan dan garis panduan yang berkuat kuasa antara lain adalah seperti berikut:

(i) Laporan Perakaunan Aset Tak Alih;

(ii) Pertimbangan dan kelulusan oleh JKPAK (Fasiliti) Kementerian;
   (a) Perubahan Usia Guna Aset;
   (b) Pengelasan Semula Aset;
   (c) Penilaian Semula Aset; dan
   (d) Penjejasan Nilai Aset.

(iii) Isu yang berkaitan dengan perakaunan Aset Tak Alih.

8.6 Bidang tugas JKPAK (Fasiliti) adalah merancang, memantau, mengawasi, menyelaras dan menganalisis semua aspek pengurusan aset tak alih supaya mematuhi TPATA dan memenuhi objektif kementerian serta agensi-agensi di bawahnya.

8.7 Perincian bagi Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) (Fasiliti) untuk Sukuan IV sahaja adalah seperti berikut:

(i) **Keanggotaan Mesyuarat JKPAK (Fasiliti)** bagi sukuan ke-IV adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Pegawai Pengawal
Pengerusi Gantian	:	Timbalan Ketua Setiausaha/ Setiausaha Bahagian yang diberi kuasa oleh Pengerusi
		Timbalan Ketua Pengarah/ Pengarah Cawangan/ Bahagian yang diberi kuasa oleh Pengerusi
Setiausaha	:	PTF Kementerian/ Jabatan/ Agensi
Ahli	:	Semua Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Peringkat Kementerian)
		Semua Timbalan Ketua Pengarah (Jabatan Peringkat Ibu Pejabat)
		Semua Ketua Jabatan/ Agensi/ Bahagian
		Ketua Audit Dalam atau wakilnya

Ketua Akauntan/ Akauntan/
Pegawai Perakaunan

Unit PTF (selain urus setia)

(ii) Agenda Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) bagi sukuan ke-IV adalah seperti berikut:

(a) Rujuk agenda Mesyuarat JKPAK (Fasiliti) bagi sukuan ke-I, II dan III;
(b) Laporan Pencapaian Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi) [PSPA (O)];
(c) Analisis Laporan Audit Dalaman dan Audit Luaran;
(d) Analisis Maklumbalas Pengguna;
(e) Analisis Penyenggaraan dan Perbelanjaan Aset Tak Alih;
(f) Analisis Pemeriksaan dan Penarafan Aset Tak Alih;
(g) Cadangan Penambahbaikan dan Inovasi;
(h) Kajian Semula PSPA (O) bila mana perlu atau sekurang-kurangnya lima (5) tahun sekali; dan
(i) Hal-hal lain.

(iii) Hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Urus Setia JPAK sebelum atau pada 15 Mac pada setiap tahun.

(iv) Hasil mesyuarat berkaitan Laporan Kedudukan, Kos dan Nilaian Kos Aset Tak Alih (JKR.PATA-3C) sukuan ke-IV hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di peringkat Agensi

Kerajaan masing-masing dua (2) minggu sebelum mesyuarat JPKA diadakan.

9. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UNIT PENGURUSAN FASILITI (UPF)

9.1 UPF berperanan membantu Pegawai Pengawal dalam melaksanakan semua tanggungjawab pengurusan aset tak alih di Agensi Kerajaan antara lain adalah seperti berikut:

(i) mengurus semua aset tak alih Kerajaan di Agensi Kerajaan di bawah kawalannya meliputi:

(a) Penerimaan dan Pendaftaran Aset;
(b) Operasi dan Penyenggaraan Aset;
(c) Penilaian Aset;
(d) Pemulihan/ Pemuliharaan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset;
(e) Pelupusan Aset; dan
(f) Kehilangan dan Hapus Kira.

(ii) Mengurus pelantikan Lembaga Pelupusan Aset Tak Alih, Ahli Jawatankuasa Penyiasat (Kehilangan dan Hapus Kira), Panel Penerimaan, Panel Penilai Teknikal dan Pihak Pelaksana (sekiranya aktiviti dilaksanakan secara luaran);

(iii) Memantau, mengawal dan menilai pencapaian pelan pelaksanaan akiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih;

(iv) Mengurus permohonan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) bagi Pengurusan Aset Tak Alih kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan mengikut Pekeliling Perbendaharaan berkaitan;

(v) Mengurus keperluan sumber, latihan kompetensi, audit dalaman dan rekod – rekod yang berkaitan dengan pengurusan aset tak alih;

(vi) Mengendali mesyuarat penyelarasan pengurusan aset tak alih; dan

(vii) Mengurusetia Mesyuarat JKPAK (Fasiliti).

9.2 UPF juga berperanan membantu Unit Kewangan dalam melaksanakan semua tanggungjawab perakaunan aset tak alih selaras dengan penetapan tugas dan tanggungjawab oleh Pegawai Pengawal.

10. PELAKSANAAN TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH (TPATA)

10.1 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Agensi Kerajaan di bawah kawalannya menguruskan aset tak alih mengikut Pekeliling ini melainkan jika terdapat arahan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

10.2 Pegawai Pengawal berkewajipan melaporkan aktiviti pengurusan aset tak alih kepada Urus Setia JPAK mengikut tatacara yang ditetapkan.

10.3 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan audit dalaman dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun mengikut tatacara yang ditetapkan bagi memastikan pematuhan terhadap TPATA dan keberkesanan pencapaian objektif pengurusan aset tak alih Kerajaan di Agensi Kerajaan masing-masing.

11. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

12. PEMAKAIAN

12.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua Agensi Kerajaan Persekutuan.

12.2 Pekeliling ini juga boleh digunapakai kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) **tertakluk kepada penerimaan dan pengubahsuaian** sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan.

13. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Am ini, Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021 adalah dibatalkan.

14. MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung pekeliling ini, pihak yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

Urus Setia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
No. Telefon Pejabat: 03-2610 7507/ 7795/ 8297/ 7539/ 7505
Web: www.jpak.jkr.gov.my/ Alamat Emel: jpak@jkr.gov.my

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI**)
Ketua Setiausaha Negara

© Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan secara elektronik, mekanikal penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya tanpa izin bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP).

© All rights reserved. No part of this report may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopying, recording or by any information retrieval system, without the permission of the Sewerage Services Department (JPP).

Diterbitkan oleh:
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN (JPP)
Blok B, Aras 2 dan 3, Suasana PjH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya

Tel : 03-88619000
Faks : 03-88619010

Data Penkatalogan dalam Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-96307-3-9

eISBN 978-629-96307-3-9

9 786299 630739

ISI KANDUNGAN

PERKARA			MUKA SURAT
PENGHARGAAN			**i**
SINGKATAN			**ii**
PRAKATA			**iv**
PENGENALAN			**1**
TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH (TPATA): ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN			
BAB C	**PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN**		**5**
C1	**PENERIMAAN ASET**		5
	1.0	Objektif	5
	2.0	Definisi	5
	3.0	Skop	6
	4.0	Prosedur Penyediaan dan Pemantauan Pelan Penerimaan Aset (PTRA)	7
	5.0	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Penerimaan Aset	8
	6.0	Lampiran	
		JPP.PATA.F6/1	11
		JPP.PATA.F6/1a	14
		JPP.PATA.F6/1b	15
		JPP.PATA.F6/1c	16
		JPP.PATA.F6/1d	17
		JPP.PATA.F6/1e	18
		JPP.PATA.F6/2	19
		JPP.PATA.F6/3	20
		JPP.PATA.F6/4	21
		JPP.PATA.F6/5	22
		JPP.PATA.F6/6	23
C2	**DAFTAR PREMIS ASET (DPA)**		**24**
	1.0	Objektif	24
	2.0	Definisi	24
	3.0	Skop	25
	4.0	Prosedur Pendaftaran Premis Aset	26
	5.0	Lampiran	
		JPP.PATA.F6/8a (D.A.3)	29
		JPP.PATA.F6/9	32
		JPP.PATA.F6/10	33
		JPP.PATA.F6/11	34
C3	**DAFTAR ASET KHUSUS UNTUK BINAAN STRUKTUR, BLOK DAN BINAAN LUAR**		**35**
	1.0	Objektif	35
	2.0	Definisi	35
	3.0	Skop	36
	4.0	Prosedur Pendaftaran Aset Khusus Binaan Struktur	37

ISI KANDUNGAN

		PERKARA	MUKA SURAT
BAB D		**OPERASI DAN PENYELENGGARAAN ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN**	**41**
	1.0	Objektif	41
	2.0	Definisi	41
	3.0	Skop	42
	4.0	Prosedur Penyediaan dan Pemantauan POPA dan Bajet Tahunan	44
	5.0	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Operasi & Penyelenggaraan Aset	45
	5.1	Prosedur Pelaksanaan Operasi & Penyelenggaraan Aset Secara Dalaman - Secara Tenaga Jabatan	46
	5.2	Prosedur Pelaksanaan Operasi & Penyelenggaraan Aset Secara Dalaman - Lantikan Kontraktor	47
	5.3	Prosedur Pelaksanaan Operasi & Penyelenggaraan Aset Secara Luaran	48
	5.4	Prosedur Pelaksanaan Operasi & Penyelenggaraan Aset Secara Luaran (Aset yang Terlibat dengan Perjanjian Konsesi Kerajaan dengan IWK Sdn Bhd)	49
	5.5	Prosedur Kerja Perolehan	50
	6.0	Lampiran	
		JPP.PATA.F7/1	53
		JPP.PATA.F7/1a	56
		PP.PATA.F7/1b-1	58
		JPP.PATA.F7/1b	59
		JPP.PATA.F7/1c	60
		JPP.PATA.F7/1d	61
		JPP.PATA.F7/1e	62
		JPP.PATA. F7/2	63
		JPP.PATA. F7/3	64
BAB E		**PENILAIAN ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN**	**67**
	1.0	Objektif	67
	2.0	Definisi	67
	3.0	Skop	68
	4.0	Prosedur Penyediaan dan Pemantauan Pelan Penilaian Aset	70
	5.0	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Penilaian Aset	71
	6.0	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Prestasi Dan Penarafan Aset	72
	7.0	Lampiran	
		JPP.PATA.F8/1	75
		JPP.PATA.F8/1a	78
		JPP.PATA.F8/1b	79

ISI KANDUNGAN

		PERKARA	MUKA SURAT
BAB E		**PENILAIAN ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN**	
		JPP.PATA.F8/1c	82
		JPP.PATA.F8/1d	83
		JPP.PATA.F8/1e	84
		JPP.PATA.F8/2	85
		JPP.PATA.F8/3	89
		JPP.PATA.F8/4	90
		JPP.PATA.F8/5	92
		JPP.PATA.F8/6	93
BAB F		**PEMULIHAN / UBAH SUAI / NAIK TARAF ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN**	**97**
	1.0	Objektif	97
	2.0	Definisi	97
	3.0	Skop	98
	4.0	Prosedur Penyediaan dan Pemantauan Pelan Pemulihan / Ubah Suai / Naik Taraf Aset	99
	5.0	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Pemulihan / Ubah Suai / Naik Taraf	100
	6.0	Lampiran	
		JPP.PATA.F9/1	103
		JPP.PATA.F9/1a	106
		JPP.PATA.F9/1b-1	107
		JPP.PATA.F9/1b	109
		JPP.PATA.F9/1c	110
		PP.PATA.F9/1d	111
		JPP.PATA.F9/1e	112
		JPP.PATA.F9/2	113
		JPP.PATA.F9/3	114
BAB G		**PELUPUSAN ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN**	**117**
	1.0	Objektif	117
	2.0	Definisi	117
	3.0	Skop	118
	4.0	Lembaga Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan	122
	5.0	Pegawai Pelulus	123
	6.0	Prosedur Penyediaan dan Pemantauan Pelan Pelupusan Aset (PLA)	125
	7.0	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Pelupusan Aset (Pelupusan Binaan Struktur)	126

ISI KANDUNGAN

		PERKARA	MUKA SURAT
BAB G		**PELUPUSAN ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN**	
	7.1	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Pelupusan Aset (Kaedah Pelepasan Hak bagi Binaan Struktur)	128
	7.2	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Pelupusan Aset (Kaedah Musnah/Jualan/Pindahan/Hadiah bagi Komponen)	129
	8.0	Lampiran	
		JPP.PATA.F10/1	132
		JPP.PATA.F10/1a	135
		JPP.PATA.F10/1b	136
		JPP.PATA.F10/1c	138
		JPP.PATA.F10/1d	139
		JPP.PATA.F10/1e	140
		JPP.PATA.F10/2	141
		JPP.PATA.F10/3	144
		JPP.PATA.F10/4	145
		JPP.PATA.F10/5	146
		JPP.PATA.F10/6	147
BAB H		**KEHILANGAN DAN HAPUS KIRA ASET**	**151**
	1.0	Objektif	151
	2.0	Definisi	151
	3.0	Pelaksanaan	151
	4.0	Kuasa Melulus	152
	5.0	Urus Setia Kehilangan dan Hapus Kira Aset Tak Alih	152
	6.0	Proses Hapus Kira	153
	7.0	Tindakan Kementerian/Jabatan Selepas Kelulusan	157
	8.0	Prosedur Pelaksanaan dan Pelaporan Proses Hapus Kira	158
	9.0	Lampiran	
		JPP.PATA.F11/1	164
		JPP.PATA.F11/2	169
		JPP.PATA.F11/3	170
		JPP.PATA.F11/4	176
		JPP.PATA.F11/5	177
		JPP.PATA.F11/6	178


KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR
INKLUSIF, MAMPAN DAN SEJAHTERA RAKYAT

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen, kepakaran dan kerjasama yang padu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan usaha menggubal serta mengemas kini Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA): Aset Pembetungan, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

Penghargaan khusus ini ditujukan buat Urus Setia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu, JKR Malaysia), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) serta seluruh agensi di bawah Kementerian.

Sesungguhnya, gandingan bahu dan komitmen jitu yang dicurahkan oleh semua pihak telah menjadi nadi utama dalam merealisasikan pembangunan dokumen ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan bakti tersebut demi memacu kecemerlangan pengurusan aset negara.

URUS SETIA
Unit Pengurusan Fasiliti
Sektor Perancangan dan Pembangunan
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

SINGKATAN

ABM	Anggaran Belanjawan Mengurus
ASL	*Agreed Service Levels* (Tahap Perkhidmatan Dipersetujui)
CSI	*Customer Satisfaction Index* (Indeks Kepuasan Pelanggan)
DAK	Daftar Aset Khusus
DPA	Daftar Premis Aset
DPAK	Dasar Pengurusan Aset Kerajaan
EPU	*Economic Planning Unit* (Unit Perancang Ekonomi)
GBI	*Green Building Index*
ICU	*Implementation Coordination Unit, Prime Minister's Department* (Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri)
JKPAK	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan Peringkat Agensi
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPP	Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
JPAK	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
KHA	Kitaran Hayat Aset (*Asset Life Cycle*)
KKH	Kos Kitaran Hayat
KOD DAK	Nombor Kod Daftar Aset Khusus
KPI	Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*)
KPTG	Ketua Pengarah Tanah dan Galian
KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
MKSP	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
MPAM	Manual Pengurusan Aset Menyeluruh
NCR	*Non-Compliance Report* (Laporan Ketidakpatuhan)
No. DPA	Nombor Identifikasi Daftar Premis Aset
OPA	Operasi dan Penyelenggaraan Aset
PAM	Pengurusan Aset Menyeluruh (*Total Asset Management*)

SINGKATAN

PATA	Pengurusan Aset Tak Alih
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDF	Pegawai Daftar & Data Fasiliti
PE	Penduduk/Populasi Setara
PeDATA	Garis Panduan Pengumpulan Data Aset Tak Alih
PIF	Pegawai Inspektorat Fasiliti
PLA	Pelan Pelupusan Aset
PNA	Pelan Penilaian Aset
POF	Pegawai Operasi Fasiliti
POPA	Pelan Operasi dan Penyelenggaraan Aset
PSPA (Operasi)	Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi)
PT	Pecahan Tanah
PTF	Pegawai Teknikal Fasiliti
PTP	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PTRA	Pelan Penerimaan Aset
PUN	Pemulihan/ Ubah Suai / Naik Taraf
SKATA	Sistem Kod Aset Tak Alih
SSI	*Staff Satisfaction Index* (Indeks Kepuasan Staf)
TPATA	Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih
TTK	Tempoh Tanggungan Kecacatan
UBBL	*Uniform Building by Law* (Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam)
UPF	Unit Pengurusan Fasiliti

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA PETRA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin-Nya, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bersama-sama Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah berjaya menyediakan dan menerbitkan Buku Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA): Aset Pembetungan untuk diguna pakai sebagai rujukan rasmi dan panduan kepada Kementerian, Jabatan dan semua pihak berkepentingan dalam mengurus aset-aset tak alih terutamanya aset-aset pembetungan. Pengurusan aset pembetungan yang efisien mencerminkan tahap kemajuan sesebuah negara yang mana keberkesanan pengurusannya memberi impak langsung kepada kualiti sumber air, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan kesihatan awam selaras dengan Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040).

Menyedari kepentingan ini, Unit Pengurusan Fasiliti JPP telah mengambil inisiatif melaksanakan empat (4) siri bengkel bagi penyediaan draf dan pemurnian dokumen TPATA Pembetungan bermula pada bulan Ogos 2025 sehingga bengkel terakhir pada bulan April 2026. Pembangunan dokumen secara komprehensif bersandarkan amalan pengurusan terbaik aset kerajaan ini turut melibatkan kerjasama strategik bersama Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu (CPAB), Jabatan Kerja Raya. Kandungan dokumen yang disediakan adalah bersifat praktikal, tersusun dan selaras dengan dasar semasa serta keperluan pengurusan aset sektor awam.

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA PETRA

Justeru, buat pertama kalinya dalam sejarah pengurusan aset Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Buku TPATA Aset Pembetungan ini diwujudkan sebagai panduan rasmi bagi memastikan pengurusan aset tak alih dapat dilaksanakan secara lebih teratur dan sistematik.

Perkara ini amat penting bagi memastikan aset yang dibangunkan dapat berfungsi secara optimum sepanjang kitar hayatnya serta memberikan pulangan nilai terbaik kepada Kerajaan dan rakyat. Sehingga Mac 2026, sebanyak 9,081 buah aset loji dan 5,074 aset tanah telah direkodkan di bawah iGFMAS dan jumlah ini menunjukkan keperluan yang amat signifikan terhadap satu sistem pengurusan aset yang lebih cekap, tersusun dan mampan.


Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Kerja serta semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan dokumen ini dan berharap agar buku ini dijadikan sebagai panduan utama dalam melaksanakan tugasan pengurusan aset dengan penuh integriti dan profesionalisme. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pengurusan infrastruktur negara demi menjamin kelestarian sumber air untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

Dato’ Sri Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

PRAKATA

KETUA PENGARAH JPP



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA): Aset Pembetungan ini telah berjaya diterbitkan selari dengan hasrat Kerajaan untuk membangunkan modul pengurusan aset tak alih kerajaan dengan lebih cekap, teratur dan berkesan. Kejayaan penerbitan dokumen ini merupakan satu pencapaian yang amat bermakna dan mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh tadbir urus aset pembetungan negara.

Mandat yang diberikan kepada JPP untuk menyediakan dokumen TPATA bagi kategori aset pembetungan juga merupakan satu pengiktirafan ke atas peranan, penglibatan dan keupayaan Jabatan ini selaku peneraju utama dalam pembangunan infrastruktur pembetungan awam negara. Usaha penerbitan dokumen ini turut dijayakan dengan kerjasama pihak PETRA, IWK, SPAN dan Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu JKR yang sama-sama berkongsi pandangan, pengalaman dan pengetahuan bagi memastikan kandungan penerbitan ini dapat dijadikan rujukan serta panduan rasmi semua pihak yang berkepentingan dalam pengurusan aset pembetungan negara.

Sebagai agensi utama bagi pelaksanaan projek pembetungan negara, JPP bertanggungjawab ke atas pembinaan dan pemilikan aset-aset tersebut. Sehingga Mac 2026, sejumlah 7,553 buah loji rawatan kumbahan, 1,528 buah stesen pam, 23,658 km rangkaian paip pembetungan dan 5,074 aset tanah dengan nilaian semasa RM23.77 bilion telah direkodkan sebagai aset pembetungan negara. Nilaian aset ini akan meningkat setiap tahun seiring dengan pelaksanaan projek-projek pembetungan baharu. Sebagai rekod, RMK-13 menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM15.8 bilion bagi sektor pembetungan.

PRAKATA

KETUA PENGARAH JPP

Seiring dengan nilai aset yang bernilai berbilion ringgit ini, pengurusan aset perlu diuruskan dengan teliti dan diberikan perhatian sewajarnya bagi memastikan aset-aset ini sentiasa terjaga dan berfungsi dengan baik sepanjang kitar hayatnya. Penyediaan infrastruktur pembetungan moden, penyelenggaraan aset dan operasi sistem pembetungan yang efisien menjamin penyampaian perkhidmatan pembetungan yang berkesan. JPP bekerjasama dengan IWK yang bertindak sebagai pengendali operasi dan penyelenggara sistem pembetungan awam untuk memastikan kelangsungan aset-aset pembetungan dalam melestarikan perkhidmatan pembetungan.

JPP turut menambah baik organisasi pengurusannya dengan pewujudan Unit Pengurusan Fasiliti bagi memantau dan mengawal selia aset pembetungan awam negara. Pewujudan bahagian ini mencerminkan komitmen Jabatan untuk memperkasakan pengurusan aset pembetungan. Dengan pertambahan bilangan dan nilai aset saban tahun, diharapkan perjawatan dan kefungsian unit ini dapat ditambah baik pada masa hadapan.

Buku ini dibangunkan secara menyeluruh bagi memperincikan setiap fasa perancangan aset tak alih pembetungan. Bermula daripada perancangan, penerimaan aset, pendaftaran, pengoperasian, penyelenggaraan, pemantauan prestasi, pengurusan risiko sehingalah kepada aspek pelupusan dan pelaporan. Pendekatan yang digariskan ini akan memastikan setiap proses kerja dilaksanakan secara lebih tersusun, telus dan mematuhi kehendak dasar dan peraturan semasa Kerajaan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menghasilkan Buku Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA): Aset Pembetungan ini. Diharapkan keberhasilan buku TPATA Aset Pembetungan ini menjadi pemangkin kepada transformasi pengurusan aset pembetungan negara ke arah sistem pembetungan yang lebih moden, bersepadu dan responsif terhadap keperluan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Ir. Haji Alias Bin Mohamed
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

PENGENALAN TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH (TPATA): ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Skop penggunaan Dokumen Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA): Aset Infrastruktur Pembetungan adalah meliputi keseluruhan aset tak alih Kerajaan bagi kategori aset infrastruktur pembetungan sahaja. Dokumen ini perlu dibaca bersama dengan dokumen Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Induk.

1.2 Dokumen ini merupakan dokumen peringkat ketiga berdasarkan struktur dokumentasi pengurusan aset Kerajaan

1.3 Kandungan dokumen Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) bagi Aset Infrastruktur Pembetungan hanya berfokus kepada peringkat fasa penggunaan dan pelupusan yang meliputi:

i) Pengenalan TPATA - Aset Infrastruktur Pembetungan;
ii) Bab C: Penerimaan dan Pendaftaran Aset Infrastruktur Pembetungan;
iii) Bab D: Operasi dan Penyelenggaraan Aset Infrastruktur Pembetungan;
iv) Bab E: Penilaian Aset Infrastruktur Pembetungan;
v) Bab F: Pemulihan/ Ubah Suai / Naik Taraf Aset Infrastruktur Pembetungan;
vi) Bab G: Pelupusan Aset Infrastruktur Pembetungan; dan
vii) Bab H: Kehilangan dan Hapus Kira Aset

1.4 Pengelasan Objek Sebagai (OS) perlu merujuk kepada surat arahan/pekeliling yang berkuat kuasa.



LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU BUNUS (KLR347)
KUALA LUMPUR




LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU BUNUS (KLR347)
KUALA LUMPUR

BAB C

C

PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN



BAB C - PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET INFRASTRUKTUR PEMBETUNGAN

C1: PENERIMAAN ASET

1.0 OBJEKTIF

1.1 Memastikan aset yang diterima menepati piawaian dan fungsi yang ditetapkan; dan

1.2 Memastikan aset yang diterima memenuhi objektif keperluan penyampaian perkhidmatan yang ditetapkan.

2.0 DEFINISI

2.1 **"Panel Penerimaan''** - Panel yang ahli-ahlinya terdiri daripada kementerian/jabatan/agensi, dan Agensi Khusus; atau pihak pemegang lesen (Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.); atau Agensi Teknikal atau perunding mengikut displin yang berkaitan dan mereka yang mempunyai kepakaran mengenai aset yang dinilai atau diperiksa.

2.2 **"Laporan Kecacatan''** - Laporan aduan / maklum balas penemuan kecacatan produk semasa/selepas pembinaan oleh pihak pelanggan.

2.3 **"Kos Perolehan Aset"** - Jumlah kos akhir / keseluruhan pewujudan sesuatu aset selepas ia disiapkan atau diserah milik merangkumi kos projek. Bagi aset serahan pemaju, kos perolehan mengguna pakai kos gantian yang dipersetujui.

2.4 **"Binaan Struktur"** - Merupakan binaan kekal selain daripada loji rawatan kumbahan / stesen pam di dalam suatu premis Infrastuktur Pembetungan.

3.0 SKOP

3.1 Setiap agensi hendaklah menyediakan Pelan Penerimaan dan Pendaftaran Aset (PTRA) yang melibatkan aset tak alih di bawah tanggungjawab dan kawalan masing-masing.

3.2 Aktiviti penerimaan dan pendaftaran aset merangkumi:

a) Penyediaan dan Pemantauan PTRA

i) PTRA dan bajet tahunan hendaklah disediakan bagi merancang aktiviti penerimaan dan pendaftaran aset tahunan bagi setiap premis;
ii) Penyelarasan semula skop dan aktiviti PTRA berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Perbendaharaan;
iii) Penyediaan Laporan Penerimaan dan Pendaftaran Aset bagi tujuan pemantauan pelaksanaan PTRA;
iv) Pengukuran dan kajian semula untuk mempertingkatkan keberkesanan proses penerimaan dan pendaftaran aset.

b) Pelaksanaan dan Pelaporan Penerimaan dan Pendaftaran Aset

i) Pelaksanaan aktiviti penerimaan aset adalah berdasarkan PTRA dan bajet yang diluluskan;
ii) Pemantauan dan pengauditan pelaksanaan penerimaan dan pendaftaran aset;
iii) Penyediaan Sijil Perakuan Penerimaan dan Pendaftaran Aset; dan
iv) Penyediaan pelaporan terhadap pencapaian aktiviti penerimaan dan pendaftaran aset kepada pihak atasan.

4.0 PROSEDUR PENYEDIAAN DAN PEMANTAUAN PELAN PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET (PTRA)

CARTA PROSEDUR C1

	CARTA ALIRAN	TINDAKAN	RUJUKAN/LAMPIRAN
	(M)		
1	Arah PTF agensi laksana PTRA dan Bajet Tahunan serta laksanakan penerimaan aset	Pegawai Pengawal	• JPP.PATA.F6/1
2	Kendali mesyuarat dan sediakan PTRA serta Bajet Tahunan	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/1b • JPP.PATA.F6/1c
3	Selaraskan maklumat PTRA dalam ABM-PATA	POF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/1c
4	Permohonan peruntukan daripada Perbendaharaan	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/1c
5	Terima peruntukan ABM-PATA daripada Perbendaharaan	PDF yang bertanggungjawab	
6	Selaraskan PTRA berdasarkan Peruntukan ABMPATA	PTF yang bertanggungjawab	
7	Laksanakan Penerimaan dan Pendaftaran Aset	PTF yang bertanggungjawab	
8	Kemukakan Laporan Penerimaan dan Pendaftaran Aset kepada PTF	POF yang bertanggungjawab	
9	Sedia dan bentang Laporan Penerimaan Aset kepada JKPAK (Fasiliti)	PTF yang bertanggungjawab	
	(T)		

(M) Mula

(T) Tamat

PETUNJUK:
PDF - Pegawai Daftar dan Data Fasiliti
POF - Pegawai Operasi Fasiliti
PTF - Pegawai Teknikal Fasiliti

5.0 PROSEDUR PELAKSANAAN DAN PELAPORAN PENERIMAAN ASET

CARTA PROSEDUR C2

	CARTA ALIRAN	TINDAKAN	RUJUKAN/LAMPIRAN
	(M) Mula		
1	Laksana aktiviti penerimaan aset berdasarkan PTRA	Pegawai Pengawal	• JPP.PATA.F6/1 • JPP.PATA.F6/1c
2	Pengemukaan dokumentasi penerimaan kepada Panel Penerimaan	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/2
3	Laksana pemeriksaan fizikal aset. Sedia Laporan Kecacatan / Kerosakan kepada PTF	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/2
4	Setuju terima / Setuju terima dengan pembaikan	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/3
5	Serahkan Laporan Kecacatan / Kerosakan untuk tindakan pembaikan kepada PTF (jika ada)	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/3
6	Kemukakan Laporan Kecacatan / Kerosakan kepada pihak yang berkenaan	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/3
7	Sedia Laporan Pemeriksaan Fizikal Aset	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/3
8	Keluarkan Sijil Perakuan Penerimaan Aset	PTF yang bertanggungjawab	• JPP.PATA.F6/5
9	Arahkan PDF laksana pendaftaran aset	PTF yang bertanggungjawab	
	(T) Tamat		

PETUNJUK:
PTF - Pegawai Teknikal Fasiliti

BORANG/ LAPORAN PENERIMAAN ASET

HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

JPP.PATA.F6/1

PELAN PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET (PTRA)

KERAJAAN MALAYSIA

TAHUN :

KEMENTERIAN : _____

JABATAN/AGENSI : _____

PREMIS : _____

No. DPA (jika ada) : | | | | | | | | | | | | | |

KANDUNGAN

1.0 Pendahuluan

2.0 Objektif

3.0 Carta Organisasi dan Pelan Komunikasi

4.0 Skop dan Aktiviti Penerimaan dan Pendaftaran Aset

5.0 Penyediaan Keperluan Sumber Aktiviti Penerimaan dan Pendaftaran Aset

6.0 Kawalan Rekod Penerimaan dan Pendaftaran Aset

7.0 Rujukan

1.0 PENDAHULUAN

Menjelaskan maklumat mengenai premis loji dan stesen pam berkaitan.

2.0 OBJEKTIF

Menjelaskan matlamat penerimaan dan pendaftaran aset kementerian/jabatan/agensi.

3.0 CARTA ORGANISASI DAN PELAN KOMUNIKASI

Struktur organisasi dan pelan komunikasi perlu disediakan bagi menerangkan organisasi pelaksanaan penerimaan dan pendaftaran aset sebagaimana JPP.PATA.F6/1a.

4.0 SKOP DAN AKTIVITI PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

PTF perlu menentukan/menetapkan keperluan teknikal, proses, tempoh pelaksanaan, keperluan sumber, tanggungjawab dan kuasa pegawai yang terlibat bagi aktiviti yang disenaraikan dalam JPP.PATA.F6/1b.

5.0 PENYEDIAAN KEPERLUAN SUMBER AKTIVITI PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

PTF hendaklah menyediakan Analisis Keperluan Sumber Aktiviti Penerimaan dan Pendaftaran Aset bagi tujuan permohonan peruntukan sebagaimana JPP.PATA.F6/1c.

6.0 KAWALAN REKOD PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

Kawalan rekod penerimaan dan pendaftaran aset sebagaimana JPP.PATA.F6/1d.


7.0 RUJUKAN

Sebarang dokumen yang dirujuk dalam penyediaan PTRA sebagaimana JPP.PATA.F6/1e.

Disediakan Oleh:	Disahkan Oleh:
.....	.....
(Cap nama & jawatan)	(PTF Kem. /Jab./Agensi)
Tarikh:	Tarikh:

JPP.PATA.F6/1a

MODEL STRUKTUR PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET DI PREMIS



PELAN KOMUNIKASI BAGI AKTIVITI PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

TUGAS DAN PEGAWAI ATASAN YANG ADA KAITAN	TANGGUNGJAWAB DAN KUASA YANG DIBERIKAN	TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI LAIN YANG ADA KAITAN
Pegawai Pengawal	PTF	PDF

PETUNJUK:

PDF - Pegawai Daftar dan Data Fasiliti
PTF - Pegawai Teknikal Fasiliti
PIF - Pegawai Inspektorat Fasiliti
POF - Pegawai Operasi Fasiliti

JPP.PATA.F6/1b

SKOP DAN AKTIVITI PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

TAHUN: _____

No. DPA (jika ada) :

SKOP*	NAMA PROJEK /PROGRAM/KONTRAK/	AKTIVITI**	PIHAK BERKAITAN	TANGGUNGJAWAB	KEPERLUAN SUMBER	TEMPOH PELAKSANAAN (BULAN/MINGGU)												CATATAN
						1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
JUMLAH																		

Nama Premis /Projek: ..... No. Kontrak: .....
Anggaran Saiz Premis /Aset
(m/m^2 /lain-lain (sila nyatakan)): ..... Kos Keseluruhan Aset (RM): .....
Tarikh Jangkaan Serahan: ..... Pihak Pelaksana Projek: .....

Catatan:.....
.....

Nota:
Borang ini diisi di peringkat rancang dan perlu dikemaskini setelah peruntukan diterima
*Skop: Daftar Premis Aset (DPA) / Daftar Aset Khusus (DAK)
*Aktiviti: Penerimaan Aset / Pendaftaran Aset / Pelabelan Aset

JPP.PATA.F6/1c

ANALISIS KEPERLUAN SUMBER AKTIVITI / PENYELARASAN PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

TAHUN _____

(Peringkat Premis)

Kementerian : …… Jabatan/Agensi : ……

Negeri/Wilayah : …… Daerah/Pejabat Projek: ……

No. DPA (jika ada) : | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Nama Projek/Premis : …… No. Kontrak (jika ada) : ……

SKOP*	NAMA PROJEK/ PROGRAM/ KONTRAK	AKTIVITI**	BUTIRAN AKTIVITI	OBJEK SEBAGAI (OS) / KEPALA PERUNTUKAN	JUMLAH KOS (RM)	KAEDAH PELAKSANAAN	CATATAN
JUMLAH							

Nota:
Borang ini diisi di peringkat rancang dan perlu dikemaskini setelah peruntukan diterima
*Skop: Daftar Premis Aset (DPA) / Daftar Aset Khusus (DAK)
*Aktiviti: Penerimaan Aset/ Pendaftaran Aset/ Pelabelan Aset

JPP.PATA.F6/1d

KAWALAN REKOD PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

BIL	JENIS REKOD	LOKASI	TEMPOH PENYIMPANAN

JPP.PATA.F6/1e

RUJUKAN

BIL	DOKUMEN RUJUKAN

JPP.PATA.F6/2

SENARAI SEMAK DOKUMEN PENERIMAAN ASET

**Senarai semak dokumen adalah merujuk kepada amalan terbaik penerimaan aset tersebut.*

No. DPA (jika ada) : | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Nama Premis /Projek : .....

No. Kontrak (jika ada) : .....

Skop Penerimaan Aset : Daftar Premis Aset (DPA) / Daftar Aset Khusus (DAK)

Bil	Perkara	Tandakan (√)
1.	Dokumen Terima Aset (*Handover Signoff Form* IWK)	
2.	*Drawing As-Built*	
3.	Kos Pembinaan Loji	
4.	Kos Peralatan M&E	
5.	Detail Komponen M&E	
6.	Detail Tanah	
7.	Jumlah PE @ Pengiraan PE (jika berkaitan)	
8.	Jenis Sistem	
9.	Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) / Sijil Pendudukan Separa (CPO)	
10.	Surat Pengambil Alihan Loji Persendirian (beserta serahan tanah)	

Catatan :.....

Tandatangan dan Cap ..... Tarikh: .....

(PTF Kem. /Jab./ Agensi atau Pegawai diberi Kuasa)

*Tandakan √ pada tempat berkenaan.

*Tandakan TB jika tidak berkaitan.

JPP.PATA.F6/3

LAPORAN KECACATAN/ KEROSAKAN ASET

No. DPA (jika ada) : | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

No. Rujukan : ..... Tarikh : .....
Nama Projek : .....
No. Kontrak : .....
Bidang Kejuruteraan : Awam/Elektrik/Mekanikal/Lain-lain*

Bil.	Laporan Kerosakan / Kecacatan		Tindakan	
	Butiran Kerosakan	Lokasi dan Kod DAK (jika ada)	Tindakan dan Tarikh Laporan	Ulasan dan Tarikh Siap

Catatan:
.....
.....
.....
.....
.....

Ketua Panel Penerimaan / Agensi Pihak Pelaksana:

.....
(Cap nama & jawatan)

Tarikh: .....

Agensi Teknikal / Agensi Khusus :

.....
(Cap nama & jawatan)

Tarikh: .....

Nota:
- Potong mana tidak berkenaan
- Guna borang tambahan/lampiran jika perlu
- Salinan Borang Laporan Kecacatan/Kerosakan kepada Pegawai Penguasa, PTF yang berkaitan
- Penggunaan borang ini mengikut kesesuaian semasa berdasarkan kontrak atau SOP

JPP.PATA.F6/4

LAPORAN PEMERIKSAAN FIZIKAL ASET

No. DPA (jika ada) : | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Nama Premis /Projek : .....

*potong mana yang tidak berkenaan

No. Kontrak : .....

Skop Penerimaan Aset : Daftar Premis Aset (DPA) / Daftar Aset Khusus (DAK)

Bil	Perkara	Tandakan (√)
1.	Dokumen Pemeriksaan Kecacatan dalam Tempoh DLP	
2.	Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD)	

Laporan hasil lawatan :

.....
.....
.....
.....
.....
.....

Tandatangan & Cap ..... Tarikh: .....

(PTF Kem. /Jab./ Agensi atau Pegawai yang diberi Kuasa)

Nota:

- Tandakan √ pada tempat berkenaan.
- Sila lampirkan laporan pemeriksaan lain yang berkaitan

JPP.PATA.F6/5

SIJIL PERAKUAN PENERIMAAN ASET

No. Rujukan :
Tarikh :

Kepada,

.....
(Pegawai Pengawal)

Tuan/Puan,

PERAKUAN PENERIMAAN *(DPA/DAK) UNTUK ASET
.....*(nyatakan nama premis)*
NO. DPA / NO. DAK :

Saya dengan sukacitanya merujuk perkara di atas.

2. Saya, selaku Pegawai Teknikal Fasiliti kementerian/jabatan/agensi* mengakui bahawa aset berkenaan di atas diterima mengikut Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (Penerimaan Aset), undang-undang, akta-akta dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.

3. Segala maklumat berkaitan (sekiranya ada) adalah sebagaimana dilampirkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

.....
(PTF (Kem./Jab./Agensi))

s.k.
1. PTF
3. PIF
4. PDF
5. POF
5. .....

*Potong mana yang tidak berkenaan

JPP.PATA.F6/6

LAPORAN PENERIMAAN DAN PENDAFTARAN ASET

(Peringkat Negeri / Wilayah/Jabatan/Agensi/Kementerian)

Bulan : ..... Tahun : .....

Kementerian : ..... Jabatan/Agensi : .....

Negeri/Wilayah : ..... Daerah : .....

Kategori : Daftar Premis Aset / Daftar Aset Khusus

BIL	NO. ID	NO. ASET	LOKASI	REKA BENTUK PE	JENIS LOJI	TARIKH TERIMA	NO. LOT	KOS/PE	NILAI ASET

Disediakan Oleh:

.....

(Cap nama & jawatan)
Tarikh:

Disahkan Oleh:

.....

(PTF)
(Cap nama & jawatan)
Tarikh:

C2: DAFTAR PREMIS ASET (DPA)

1.0 OBJEKTIF

1.1 Memastikan setiap premis aset didaftarkan dan diberi Nombor Identifikasi Daftar Premis Aset (No. DPA) yang unik; dan

1.2 Mewujudkan pangkalan data aset yang lengkap, tepat dan terkini dalam bentuk digital atau cetakan.

2.0 DEFINISI

2.1 **"Nombor identifikasi"** - Nombor berbentuk kombinasi huruf dan angka yang bersifat unik bagi tujuan penamaan/identiti pada sesuatu aset.

2.2 **"Premis"** - Sesuatu tapak tanah yang menempatkan bangunan, infrastruktur dan kawasan yang berkaitan.

2.3 **"Kawasan larangan"** - merujuk tafsiran di bawah Seksyen 4 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959.

2.4 **"Tempat larangan"** - merujuk tafsiran di bawah Seksyen 5 Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 atau mengikut tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta Rahsia Rasmi 1972.

2.5 **"Sasaran penting"** - termasuklah apa-apa jua pepasangan yang hasil keluaran dan perkhidmatannya adalah sangat penting dan sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan akan menyebabkan kerugian yang amat besar kepada ekonomi, pertahanan atau keselamatan negara akan menjejaskan fungsi-fungsi kerajaan dan imej negara.

3.0 SKOP

3.1 Setiap kementerian/jabatan/agensi hendaklah merancang, mengurus dan mengawal pelaksanaan pendaftaran premis aset baharu dan sedia ada di bawah tanggungjawab dan kawalan masing-masing dengan berpandukan garis panduan PeDATA dan SKATA.

3.2 Keperluan pendaftaran DPA bagi mana-mana aset tak alih kerajaan yang diklasifikasikan sebagai kawasan larangan / tempat larangan/ kawasan larangan dan tempat larangan / sasaran penting mengikut peraturan dalam Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959, Akta Rahsia Rasmi 1972, Arahan Keselamatan Kerajaan dan Arahan Tetap Sasaran Penting hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

3.3 Aktiviti pendaftaran premis aset merangkumi:

a) Penyediaan Kad Pendaftaran Aset Tak Alih dan label/ papan tanda pada premis aset yang berkaitan;
b) Penyediaan Laporan Pendaftaran Aset Tak Alih; dan
c) Pengukuran dan kajian semula keberkesanan proses pendaftaran aset tak alih.

4.0 PROSEDUR PENDAFTARAN PREMIS ASET

CARTA PROSEDUR C3

	CARTA ALIRAN	TINDAKAN	RUJUKAN/ LAMPIRAN
	M		
1	Terima arahan PTF untuk laksana pendaftaran	PDF	• Carta Prosedur C2 (Aktiviti 9)
2	Rancang Pelaksanaan Pengumpulan Data dan Maklumat Premis	PDF	• Garis Panduan Pendaftaran Aset Tak Alih (PeDATA Aset Bangunan) • Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA)
3	Pengumpulan Data DPA	POF/ PDF	• Garis Panduan Pendaftaran Aset Tak Alih (PeDATA Aset Bangunan) • Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA) • JPP.PATA.F6/8a (D.A.3)
